

29 OCT 1998

DR MAHATHIR BERLEPAS KE BRUNEI UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Brunei pagi ini untuk melakukan lawatan kerja dua hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Semasa di Bandar Seri Begawan, Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka mengadap Sultan Hassanal Bolkiah yang juga Perdana Menteri Brunei.

Kedua-dua pemimpin itu dijadual mengadakan perbincangan tertumpu kepada usaha bersama Malaysia dan Brunei menangani krisis serantau.

Dr Mahathir dan Sultan Hassanal Bolkiah bersetuju di Kuala Lumpur tahun lepas untuk mengadakan pertemuan setiap tahun bagi bertukar-tukar fikiran tentang hal-hal serantau dan antarabangsa yang berkaitan.

Yang turut berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang bagi mengucapkan selamat jalan kepada beliau Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Wira Mohamed Ali Rustam.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut mengiringi Dr Mahathir dalam lawatan itu, berlepas ke Brunei sebelum beliau.

--BERNAMA

ZKS